

24 APRIL 2018

## Geng kelulut curi madu beli dadah



NOH (kanan) menunjukkan sarang kelulut yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah.

### Geng Kelulut curi madu beli dadah

**Padang Terap:** Seorang penjawat awam antara tujuh ahli Geng Curi Kelulut yang ditahan polis dalam dua serbuan berasaskan kerana disyaki terbabit dalam kes curi sembilan bongkah madu kelulut bernilai RM13,500 di daerah ini.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendent Noh Idris berkata, enam lelaki ditahan dalam serbuan pertama pada 9 April lalu di sebuah rumah tidak bernombor di Batu 20 1/2 Jalan Kuala Nerang di sini.

Beliau berkata, semua suspek yang juga penagih dadah beriusia antara 18 hingga 33 tahun itu ditahan pada jam 9.45 pagi oleh sepasukan anggota dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap.

"Hasil pemeriksaan menemui sembilan bongkah kayu yang mengandungi sarang kelulut dan satu beg zip warna celoreng mengandungi satu straw lutsinaw warna biru yang dalamnya mengandungi serbuk dan ke-

tulan kecil kristal disyaki syabu.

"Selain itu kami menemui satu peket kecil plastik lut-sinar yang di dalamnya mengandungi serbuk dan ketulan kecil kristal disyaki syabu dengan anggaran kasar seberat 1.38 gram," katanya pada sidang media di IPD Padang Terap di sini, semalam.

Noh berkata, sementara serbuan kedua pada 15 April lalu, pihaknya menahan seorang lelaki penjawat awam bertugas sebagai pembantu kesihatan berusia 28 tahun yang menetap di Kuala Nerang.

Beliau berkata, pihaknya menemui beg warna hitam mengandung MyKad penjawat awam terbabit dan satu botol plastik mengandungi satu peket plastik lut-sinar berisi ketulan dan serbuk kristal disyaki syabu dengan berat kasar dianggarkan 0.58 gram.

"Dia (penjawat awam) di-tahan di sebuah bengkel jentera berat di Kampung Baru Kuala Nerang yang di-

percaya menjadi sarang menghisap dadah di daerah ini."

"Kami bertindak berdasarkan aduan daripada pengusaha kelulut yang mengadu kehilangan sarang kelulut dianggarkan bernilai RM13,500.

"Hasil siasatan, sarang madu kelulut yang dicuri dijual kepada pengusaha madu lebah kelulut di daerah ini yang tidak berdaftar dengan FAMA daerah Padang Terap," katanya.

Noh berkata, hasil siasatan mendapati suspek utama kes kecurian madu kelulut ini terbabit dalam kes mencuri generator (power spray) yang diselesaikan.

Beliau berkata, hasil ujian saringan awal terhadap semua suspek mendapati mereka positif methamphetamine.

"Siasatan menunjukkan suspek menjual sarang kelulut yang dicuri kepada pengusaha madu kelulut lain di daerah ini untuk mendapatkan sumber kewangan bagi membeli dadah," katanya.